



## Lembaran Pendedahan Produk

# Insurans Pecah Masuk

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Insurans Pecah Masuk. Pastikan juga anda telah membaca termasuk terma dan syarat-syarat am.

**NOTIS PENTING**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Tokio Marine Insurans \(Malaysia\) Berhad](#) atau [PIDM](#) (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## 1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan insurans terhadap kerugian akibat kecurian harta anda.

## 2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Kerugian atau kerosakan harta diinsuranskan semasa di dalam di premis perniagaan atau perdagangan yang timbul akibat:

- Kecurian akibat menerobos masuk atau pecah masuk ke dalam premis.
- Kecurian atau sebarang percubaannya oleh seseorang yang bersembunyi di dalam premis tersebut dengan niat jenayah.
- Kerosakan bangunan akibat kecurian atau sebarang percubaannya.

Anda boleh menginsuranskan harta anda berasaskan dasar Nilai Penuh atau Kerugian Pertama:

### 1. Polisi Nilai Penuh

Dasar ini diambil apabila wujudnya kemungkinan keseluruhan harta yang diinsuranskan akan dicuri pada mana-mana satu masa. Anda hendaklah memastikan jumlah diinsuranskan adalah mencukupi kerana insurans tersebut adalah tertakluk kepada Fasal Purata yang mana anda tidak akan ditanggung rugi sepenuhnya pada waktu kerugian jika harta tersebut adalah diinsuranskan di bawah nilainya. Jumlah diinsuranskan yang betul adalah apa yang anda anggap paling tinggi nilainya yang berisiko pada mana-mana satu masa.

### 2. Polisi Kerugian Pertama

Dasar ini diambil jika adalah tidak mungkin keseluruhan harta diinsuranskan akan dicuri pada masa yang sama.

Jumlah Diinsuranskan yang dipilih hendaklah berdasarkan pertimbangan anda sendiri.

Tempoh perlindungannya ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

## 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada pendedahan risiko, jumlah diinsuranskan (Nilai Penuh atau Kerugian Pertama) dan keperluan pengunderaitan pihak kami.

Jumlah Diinsuranskan : RM \_\_\_\_\_

Kadar dikenakan : \_\_\_\_\_ %

Jumlah premium teranggar yang anda perlu bayar ialah : RM \_\_\_\_\_

## 4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 25% daripada premium atau RM \_\_\_\_\_

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.
- Anda hendaklah mengambil segala langkah pencegahan yang biasa dan munasabah untuk menghalang kejadian pecah masuk.
- Kecuali stok, anda boleh menginsuranskan harta anda berasaskan dasar Nilai Pasaran atau Nilai Penggantian -
  - a) **Dasar Nilai Pasaran** - pihak kami akan membayar kos pembaikan ke atas harta yang hilang atau rosak setelah ditolak amaun susut nilai.
  - b) **Nilai Penggantian** - pihak kami akan mengembalikan semula membaiki atau mengganti harta yang hilang atau rosak tanpa menolak susut nilai, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos penggantian harta anda.
- Sekiranya jumlah diinsuranskan dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku (contohnya insurans terkurang), anda dianggap harus menanggung sendiri terhadap perbezaannya.
- Lebihan, sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum pihak kami menanggung rugi anda.
- Anda mestilah memberitahu pengantara insurans anda atau pihak kami secara bertulis apa-apa perubahan penting semasa dalam tempoh insurans supaya perubahan yang sepatutnya boleh diendors ke atas polisi anda.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian, kemusnahan ke atas atau kerosakan oleh atau yang terbit daripada

- Orang yang dibenarkan berada di dalam premis atau ahli keluarga anda
- Rompakan kecuali dinyatakan secara khusus
- Mogok, rusuhan and kekacauan awam
- Jika premis tidak diduduki bagi tempoh melebihi 30 hari berturut-turut

- Perampasan atas perintah mana-mana Kerajaan atau Penguasa Awam
- Perang dan risiko-risiko berkaitan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Sebarang tindakan keganasan

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

## 7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

## 8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

## 9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Pecah Masuk atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com)

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad  
Level 20, Menara Hap Seng 3,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812  
Email: [letusknow@tokiomarine.com.my](mailto:letusknow@tokiomarine.com.my)

## 10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Am yang disediakan

- Insurans Wang
- Insurans Semua Risiko
- Insurans Jaminan Setia
- Insurans Peralatan
- Insurans Kaca

### NOTA PENTING

Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus kami untuk keterangan lanjut.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.